



PERSEPSI GRADUAN SARJANA MUDA SYARIAH DAN USULUDDIN TERHADAP AKADEMI PENGAJIAN ISLAM (1996 – 2002)

Oleh:

Nor Aini binti Ali*

Azizi Che Seman**

ABSTRAK

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) telah ditubuhkan semenjak 1981 dan telah mengeluarkan ribuan graduan Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Usuluddin. Pengalaman yang ditimba oleh graduan berkenaan sepanjang pengajian mereka telah membentuk persepsi tertentu terhadap kursus yang diikuti. Kertas ini cuba untuk menganalisis persepsi lepasan kedua-dua kursus pengajian tersebut. Kajian ini menggunakan soal selidik yang melibatkan 308 graduan APIUM dari tahun 1996-2002 yang dipilih berdasarkan kaedah rawak strata. Kandungan soal selidik merangkumi antara lain persepsi terhadap kurikulum yang telah diikuti, tempoh pengajian dan reputasi institusi selain daripada bidang kerjaya yang diceburi oleh graduan berkaitan. Sebahagian besar item soal selidik adalah berdasarkan skala Likert 6 tahap. Secara keseluruhan kajian ini mendapati persepsi terhadap kurikulum adalah melebihi 4, sementara pandangan tentang kesesuaian tempoh pengajian untuk melahirkan graduan yang kompeten dalam bidang pengajian Islam atau bidang lain agak rendah (sekitar 3.3 – 3.7). Reputasi APIUM juga tidak dilihat sebagai faktor yang membantu untuk memperolehi pekerjaan yang sesuai. Walau bagaimanapun, skor berkaitan kebanggaan dan kepuasan sebagai graduan APIUM adalah tinggi (5.1 dan 4.8).

* Nor Aini binti Ali, MBA merupakan pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (aini@um.edu.my).

** Azizi Che Seman, MBA merupakan pensyarah kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (azizi@um.edu.my).



ABSTRACT

Academy of Islamic Studies University of Malaya (APIUM) was founded in 1981 and ever since has produced thousands of graduates in Bachelor of Syariah and Bachelor of Usuluddin. The experience gained by the graduates throughout their studies has shaped their perceptions towards their courses. This paper attempts to analyze the perceptions of graduates from these two courses. The study used questionnaires involving 308 APIUM graduates in 1996-2002. The respondents were selected based on stratified random sampling. The questionnaire is comprised of items related to the graduates' perception towards the curriculum, period of study and institution's reputation besides professions pursued. A bulk of the items in the questionnaire are based on 6 levels modified Likert scales. On the whole, the study found that the perception towards curriculum is above 4, while perception towards the sufficiency of the period of study in producing knowledgeable graduates in Islamic studies or other fields is quite low (around 3.3 – 3.7). APIUM's reputation is not seen as the assisting factor to obtain suitable jobs. Conversely, the scores related to pride and satisfaction as APIUM's graduates are high (5.1 and 4.8).

Keywords: Islamic studies, professions, curriculum, perception

PENDAHULUAN

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) telah ditubuhkan pada tahun 1 April 1981 dengan dua fakulti utama iaitu Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin. Sejarah awal penubuhan APIUM bermula hasil daripada penstrukturran suatu pakatan politik umat Islam yang berbeza di negara ini.

APIUM merupakan gabungan di antara Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam yang merupakan dua institusi yang tersendiri di Universiti Malaya.¹ Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah ditubuhkan pada tahun 1959.² Penubuhan JPI adalah hasil daripada hubungan formal antara Kolej

¹ Temubual dengan Profesor Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 30 November 2004, jam 3.00 petang.

² Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2004/2005), *Buku Panduan*



ISO 9000 From Islamic Perspective

Islam Malaya dan Universiti Malaya.³ Sejak dari waktu itu, Majlis Kolej Islam Malaya berperanan sebagai penguasa eksekutif jabatan berkenaan, manakala Senat Universiti Malaya pula berperanan untuk mengawasi aspek yang berkaitan dengan bidang akademik sahaja.⁴ Pada 1970, Majlis Kolej Islam Malaya telah dibubarkan dan Jabatan Pengajian Islam telah diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis dan Senat Universiti Malaya.⁵ Dari tarikh tersebut sehingga ia bergabung dengan Akademi Pengajian Islam pada bulan April 1996, jabatan ini merupakan sebuah jabatan di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.⁶ Pada tahun 1981, Akademi Islam telah ditubuhkan hasil daripada pengambilalihan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, Kelantan. Sebelum ini, YPTIK dikenali sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK) yang mana telah ditubuhkan pada Oktober 1965.⁷ Pada 18 September 1969, PPTIK ditukar nama kepada YPTIK melalui Enakmen Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan 1968 (Kn.P.u.no.19).⁸ Pengambilalihan ini merupakan satu daripada agenda penting dari satu pakatan antara Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak bin Hussain dan Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Dato' Muhammad Asri bin Haji Muda. Rentetan daripada peristiwa ini, pada 1978, kerajaan negeri Kelantan menyediakan dua kawasan iaitu Machang (Bukit Ilmu) dan Bachok masing-masing mempunyai keluasan 500 dan 600 ekar bagi tapak pembinaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.⁹ Walaupun begitu, pembinaan Akademi Pengajian Islam di kedua-dua tempat tidak dapat dilaksanakan.¹⁰ Sekarang, pentadbiran Akademi Pengajian Islam dilaksanakan di dua tempat iaitu di kampus utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan di kampus cawangan Akademi Pengajian Islam di Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.¹¹

Program Ijazah Dasar Tahun Akademik 2004/2005. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 3.

³ *Ibid..*

⁴ *Ibid..*

⁵ *Ibid..*

⁶ *Ibid..*

⁷ Temubual dengan Profesor Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Abd. Majid (2004), *op.cit.*

⁸ *Ibid..*

⁹ *Ibid..*

¹⁰ *Ibid..*

¹¹ Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2004/2005), *Buku Panduan Program Ijazah Tinggi Tahun Akademi 2004/2005.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 4.



Serentak dengan bermulanya sistem semester yang telah diperkenalkan pada sesi kemasukan tahun 1996/1997, Fakulti Syariah telah mempunyai 5 buah jabatan/ pengkhususan iaitu:

1. Jabatan Fiqh dan Usul;
2. Jabatan Syariah dan Undang-undang;
3. Jabatan Syariah dan Ekonomi;
4. Jabatan Syariah dan Pengurusan; dan
5. Jabatan Siasah Syar'iyyah.

Manakala Fakulti Usuluddin pula mempunyai 4 buah jabatan/ pengkhususan iaitu:

1. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam;
2. Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith;
3. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam; dan
4. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan.

Kesembilan-sembilan jabatan/ pengkhususan ini diwujudkan dengan harapan supaya bidang pengajian Syariah dan Usuluddin dapat lebih dimantapkan dengan pengkhususan yang lebih bersifat kontemporari dan memenuhi keperluan semasa sama ada dari segi akademik atau pasaran kerjaya.

Semenjak penubuhannya dalam tahun 1981 sehingga kini, APIUM telah mengeluarkan ribuan graduan Sarjana Muda Syariah dan Usuluddin yang menjadi input kepada pasaran kerjaya dan memberi sumbangan yang signifikan di dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Walaupun setelah 25 tahun ditubuhkan, tiada artikel yang memberikan maklumat yang detil tentang persepsi graduan terhadap kurikulum, reputasi APIUM dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi kebolehmampuan graduan bersaing di pasaran kerjaya.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Idris Awang dan Mohamad Kamil Ab Majid (1994) mengkaji persepsi siswazah terhadap kejayaan Akademi Islam (AI) dalam beberapa perkara. Kajian ini dilakukan kepada 170 orang siswazah daripada Fakulti Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam sesi 1983/1984 hingga 1987/1988. Dari persepsi 170 orang siswazah tersebut, majoriti responden (82.3%) mengatakan AI berjaya mencapai matlamatnya untuk menyediakan pendidikan tinggi Islam¹² dan 70% bersetuju AI berjaya melahirkan

¹² Idris Awang dan Mohamad Kamil Ab Majid (1994), "Keberkesanan Sesebuah



ISO 9000 From Islamic Perspective

siswazah yang berpengetahuan dan berjiwa Islam.¹³ Manakala jika dilihat tiga kejayaan terbesar AI mengikut pandangan 130 orang responden pula, 33.1% menyatakan AI melahirkan siswazah cemerlang, 22.3% responden berpendapat AI memberi saham kepada perkembangan Islam dan 13.8% menyatakan AI melahirkan pemimpin pelajar.¹⁴

METODOLOGI KAJIAN

1. Persampelan

Sampel yang terlibat dalam kajian ini merupakan graduan yang menerima ijazah Sarjana Muda Syariah dan Usuluddin pada tahun 1996 – 2002. Bermula tahun 1996 hingga 2002, APIUM telah mengeluarkan sebanyak 1 246 orang graduan Sarjana Muda Syariah dan 753 orang graduan Sarjana Muda Usuluddin.¹⁵ Seramai 522 orang responden dipilih daripada populasi kajian. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak strata di mana sampel diambil berdasarkan nisbah setiap sub kumpulan.

2. Instrumen Kajian

Data diperolehi daripada satu set soal selidik yang telah dibentuk berdasarkan kajian terperinci yang dibuat oleh penulis. Ini termasuk maklumat daripada kajian-kajian lepas. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dari 1 Mei 2004 hingga 8 Julai 2004. Dalam tempoh tersebut, penulis telah mengedarkan sebanyak 522 set soal selidik kepada graduan kedua-dua program di seluruh Malaysia. Namun, hanya 308 set sahaja yang dikembalikan. Semua set tersebut diterima untuk dianalisis.

Penulis telah membahagikan soal selidik kepada 11 Bahagian yang dilabelkan A hingga K. Bagi tujuan penulisan ini, penulis hanya akan membincangkan Bahagian A, B dan C sahaja. Bahagian A merupakan latar belakang responden seperti fakulti, jantina, status perkahwinan dan keturunan. Bahagian B pula melihat persepsi responden terhadap diri sendiri. Bahagian C pula merupakan persepsi responden terhadap graduan lain di APIUM. Pengukuran yang digunakan dalam Bahagian B dan C adalah skala yang terdiri daripada 6 peringkat jawapan iaitu:

Institusi Pengajaran dari Penilaian Siswazah: Kajian Kes Ke Atas Akademi Islam Universiti Malaya”, *Medium*, Bilangan III, Jun 1994, h. 233.

¹³ *Ibid.*, h. 234.

¹⁴ *Ibid.*, h. 236.

¹⁵ Universiti Malaya, *Buku Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 1996 – 2002*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya; Seksyen Peperiksaan Universiti Malaya.



1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Kurang setuju
4. Agak setuju
5. Setuju
6. Sangat setuju

Dapatkan soal selidik dianalisis dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) 12.0. Analisis deskriptif dan ujian khi kuasa dua dilakukan ke atas data tersebut untuk mendapatkan hasil yang diperlukan. Bagi ujian khi kuasa dua tersebut, penulis menggunakan $\alpha=0.5$ untuk menguji kesignifikan pembolehubah yang diuji. Penulis juga mengkodkan semula respon untuk soalan bahagian B dan C kepada 2 jawapan iaitu respon 1 hingga 3 kepada tidak setuju dan respon 4 hingga 6 kepada setuju.

ANALISIS DATA SOAL SELIDIK

1. Ujian Kebolehpercayaan

Bagi melihat persepsi responden terhadap item tertentu, kenyataan dibahagikan kepada beberapa pembolehubah. Bagi memastikan pembolehubah yang disenaraikan mengukur item yang sama, *reliability analysis* digunakan. Lihat Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Nilai *Cronbach alpha* bagi beberapa pembolehubah

Pembolehubah	Nilai <i>Cronbach alpha</i>
Persepsi graduan terhadap kurikulum APIUM	0.841
Persepsi graduan terhadap kelulusan dan latihan industri	0.785
Persepsi graduan terhadap tempoh pengajian di APIUM	0.817
Persepsi graduan terhadap reputasi APIUM	0.931
Persepsi graduan terhadap graduan lain mengenai latihan industri	0.806
Persepsi graduan terhadap graduan lain mengenai pengajian di APIUM	0.821
Persepsi graduan terhadap faktor lain yang mempengaruhi kejayaan graduan lain dalam bidang kerjaya	0.704



ISO 9000 From Islamic Perspective

Jadual 1 di atas menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.7 bagi semua pembolehubah yang diukur. Ini menunjukkan kesemua kenyataan daripada beberapa pembolehubah mengukur item yang sama.

2. Latar Belakang Responden

Jadual 2: Jadual silang jantina dan fakulti

Fakulti	Jantina		Total
	Lelaki	Perempuan	
Syariah	74 (24.0%)	116 (37.7%)	190 (61.7%)
Usuluddin	25(8.1%)	93 (30.2%)	118 (38.3%)
Total	99 (32.1%)	209 (67.9%)	308 (100.0%)

Jadual 3: Jadual silang peringkat kelulusan dan sistem pengajian

Peringkat Kelulusan (kelas)	Sistem Pengajian		Total
	Semester	Penggal	
Kepujian Kelas Pertama	7 (2.3%)	11 (3.6%)	18 (5.9%)
Kepujian Kelas Kedua (Atas)	131 (43.0%)	35 (11.5%)	166 (54.4%)
Kepujian Kelas Kedua (Bawah)	62 (20.3%)	40 (13.1%)	102 (33.4%)
Lulus Dengan Cemerlang	8 (2.6%)	0 (0.0%)	8 (2.6%)
Lulus Dengan Kepujian	11 (3.6%)	0 (0.0%)	11 (3.6%)
Total	219 (71.8%)	86 (28.2%)	305 (100.0%)

Jadual 2 menunjukkan majoriti responden adalah graduan Sarjana Muda Syariah (61.7%) dan perempuan (67.9%). Jadual 3 pula menunjukkan majoriti responden berkelulusan kepujian kelas kedua (atas) (54.4%) dan belajar dalam sistem semester (71.8%). Ini kerana kajian ini bermula tahun 1996 – 2002 yang majoriti sampel adalah dari graduan sistem semester.

**3. Persepsi responden terhadap diri sendiri sebagai graduan APIUM****Jadual 4: Persepsi graduan terhadap kurikulum APIUM**

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Agak setuju	Setuju	Sangat setuju	Dijawab	Tak dijawab	Min	Sisihan piawai
B02	1 (0.3%)	9 (3.0%)	43 (14.1%)	80 (26.2%)	148 (48.5%)	24 (7.9%)	305	3	4.43	0.951
B03	3 (1.0%)	29 (9.5%)	58 (19.0%)	77 (25.2%)	108 (35.4%)	30 (9.8%)	305	3	4.14	1.180
B06	5 (1.6%)	12 (3.9%)	26 (8.5%)	75 (24.5%)	144 (47.1%)	44 (14.4%)	306	2	4.55	1.068
B07	5 (1.6%)	18 (5.9%)	44 (14.5%)	80 (26.3%)	123 (40.5%)	34 (11.2%)	304	4	4.32	1.134
B08	0 (0.0%)	1 (0.3%)	4 (1.3%)	44 (14.4%)	173 (56.7%)	83 (27.2%)	305	3	5.09	0.701
B09	1 (0.3%)	3 (1.0%)	18 (5.9%)	62 (20.3%)	166 (54.4%)	55 (18.0%)	305	3	4.82	0.854
B10	0 (0.0%)	2 (0.7%)	11 (3.6%)	67 (21.9%)	176 (57.5%)	50 (16.3%)	306	2	4.85	0.752
B11	1 (0.3%)	5 (1.6%)	26 (8.5%)	85 (27.8%)	155 (50.7%)	34 (11.1%)	306	2	4.60	0.878
B02	Kurikulum yang diikuti di APIUM sesuai untuk menyediakan tuan/ puan sebagai tempat rujukan dalam bidang pengkhususan tuan/ puan									
B03	Latihan Ilmiah atau kertas projek yang tuan/ puan ambil di APIUM membantu tuan/ puan meningkatkan potensi diri dalam mencebur alam kerjaya.									
B06	Ilmu yang tuan/ puan pelajari di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi.									
B07	Pengkhususan yang tuan/ puan ikuti di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi.									
B08	Ilmu yang tuan/ puan pelajari di APIUM dapat diaplikasikan dalam kehidupan tuan/ puan.									
B09	Pengkhususan yang tuan/ puan ikuti di APIUM dapat diaplikasikan dalam kehidupan tuan/ puan.									
B10	Ilmu yang tuan/ puan pelajari di APIUM dapat diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat.									
B11	Pengkhususan yang tuan/ puan ikuti di APIUM dapat diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat.									

Jadual 4 menunjukkan taburan respon terhadap item-item berkenaan kurikulum APIUM. Bagi mengukur pembolehubah ini, lapan item digunakan iaitu B02, B03, B06, B07, B08, B09, B10 dan B11. Kesemua item adalah positif. Majoriti responden bersetuju dengan semua kenyataan yang



ISO 9000 From Islamic Perspective

diberikan. Secara keseluruhan, responden memberi penilaian yang agak tinggi kepada pembolehubah ini dengan sebahagian besar min tertumpu pada 4.5. Semua item memberikan skor min 4 ke atas menunjukkan responden agak bersetuju dengan semua kenyataan yang diberikan. Min paling tinggi diperolehi oleh item B08 (5.09) yang menunjukkan bahawa responden bersetuju ilmu yang mereka pelajari di APIUM dapat diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Manakala sisihan piawai paling tinggi dicatat oleh item B03 (1.180). Ini menunjukkan secara keseluruhan, responden memberikan respon yang pelbagai terhadap kenyataan “latihan ilmiah atau kertas projek yang mereka ambil di APIUM membantu mereka meningkatkan potensi diri dalam menceburi alam kerjaya”. Ini berlaku berkemungkinan kerana mereka tidak menyedari kepentingan subjek ini dan mereka tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakannya.

Jadual 5: Persepsi graduan terhadap kelulusan dan latihan industri

B15	8 (3.9%)	40 (19.4%)	58 (28.2%)	48 (23.3%)	38 (18.4%)	14 (6.8%)	206	102	3.53	1.286
B16	21 (6.9%)	44 (14.4%)	81 (26.5%)	64 (20.9%)	75 (24.5%)	21 (6.9%)	306	2	3.62	1.357
B17	31 (10.1%)	67 (21.9%)	89 (29.1%)	56 (18.3%)	47 (15.4%)	16 (5.2%)	306	2	3.23	1.359
B15	Latihan industri (praktikum) yang dilakukan semasa di APIUM membantu tuan/ puan mendapatkan peluang kerjaya yang lebih baik (bagi yang berkenaan).									
B16	Kelulusan Ijazah Pertama (contohnya: kelas pertama, kelas kedua, kelas ketiga dsb) yang tuan/ puan perolehi di APIUM membantu tuan/ puan mendapatkan pekerjaan yang baik.									
B17	Kelulusan Ijazah Pertama (contohnya: kelas pertama, kelas kedua, kelas ketiga dsb.) yang tuan/ puan perolehi di APIUM membantu tuan/ puan mendapatkan pekerjaan dengan mudah/cepat									

Jadual 5 menunjukkan respon terhadap kelulusan dan latihan industri. Majoriti responden memberikan penilaian skor min 3 ke atas terhadap kenyataan yang diberikan. Ini menunjukkan responden agak bersetuju dengan kenyataan tersebut. 48.5% (144 orang) bersetuju latihan industri membantu mereka mendapat peluang kerjaya yang lebih baik. Manakala majoriti responden bersetuju kelulusan di peringkat ijazah pertama membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang baik (71.0%) dan cepat (62.8%).

Jadual 6: Persepsi graduan terhadap tempoh pengajian di APIUM

B12	5 (1.6%)	30 (9.9%)	107 (35.2%)	80 (26.3%)	72 (23.7%)	10 (3.3%)	304	4	3.70	1.086
B13	8 (2.6%)	52 (17.1%)	127 (41.8%)	75 (24.7%)	37 (12.2%)	5 (1.6%)	304	4	3.32	1.030
B12	Tempoh pengajian yang tuan/ puan lalui di APIUM mencukupi untuk melahirkan tuan/ puan sebagai seorang yang berpengetahuan tentang agama.									



B13	Tempoh pengajian yang tuan/ puan lalu di APIUM mencukupi untuk melahirkan tuan/ puan sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan tentang ilmu-ilmu lain.
-----	---

Jadual 6 menunjukkan majoriti responden bersetuju tempoh pengajian di APIUM mencukupi untuk melahirkan seorang yang berpengetahuan tentang agama (85.2%) tetapi tempoh Pengajian di APIUM tidak mencukupi bagi melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan tentang ilmu-ilmu lain (61.5%). Ini dapat dibuktikan dengan skor min 3.32 yang menunjukkan responden kurang setuju untuk item B13.

Jadual 7: Persepsi graduan terhadap reputasi APIUM

B18	15 (4.9%)	54 (17.6%)	85 (27.8%)	70 (22.9%)	76 (24.8%)	6 (2.0%)	306	2	3.51	1.231
B19	22 (7.3%)	54 (17.9%)	109 (36.1%)	61 (20.2%)	52 (17.2%)	4 (1.3%)	302	4	3.26	1.190
B18	Reputasi APIUM membantu tuan/ puan mendapatkan pekerjaan yang baik.									
B19	Reputasi APIUM membantu tuan/ puan mendapatkan pekerjaan dengan mudah/ cepat.									

Jadual 7 menunjukkan reputasi APIUM agak membantu responden mendapat pekerjaan yang baik tetapi kurang membantu untuk mendapatkan pekerjaan dengan mudah dan cepat.

Jadual 8: Respon responden terhadap item-item lain (dianalisis secara berasingan)

B01	9 (3.0%)	27 (8.9%)	73 (23.9%)	50 (16.4%)	114 (37.4%)	32 (10.5%)	305	3	4.08	1.285
B04	2 (0.7%)	13 (4.2%)	58 (19.0%)	92 (30.1%)	126 (41.2%)	15 (4.9%)	306	2	4.22	0.991
B05	1 (0.3%)	12 (3.9%)	59 (19.3%)	98 (32.1%)	123 (40.3%)	12 (3.9%)	305	3	4.20	0.951
B14	1 (0.3%)	5 (1.6%)	22 (7.2%)	89 (29.1%)	143 (46.7%)	46 (15.0%)	306	2	4.65	0.900
B20	1 (0.3%)	2 (7%)	23 (7.5%)	63 (20.6%)	142 (46.4%)	75 (24.5%)	306	2	4.86	0.919
B21	1 (0.3%)	1 (0.3%)	12 (3.9%)	46 (15.0%)	147 (48.0%)	99 (32.4%)	306	2	5.07	0.842
B01	Tuan/puan sebagai graduan APIUM sesuai diberi gelaran sebagai ustaz/ ustazah.									
B04	Suasana/biah pembelajaran sepanjang tempoh pengajian di APIUM sesuai untuk menyediakan tuan/puan sebagai tempat rujukan dalam bidang pengkhususan tuan/ puan.									
B05	Tuan/puan mampu menjadi tempat rujukan dalam bidang pengkhususan tuan/ puan.									
B14	Masyarakat memberikan tanggapan yang tinggi (high-expectation) kepada tuan/ puan sebagai graduan APIUM dalam bidang agama secara khusus. (Sebagai contoh: kebolehan menjadi imam, khatib, naqib usrah, penceramah, tempat rujukan masalah agama dan seumpamanya)									



B20	Tuan/puan berpuas hati menjadi graduan APIUM.
B21	Tuan/puan berbangga menjadi graduan APIUM.

Bagi item-item yang dianalisis secara berasingan, item B21 mendapat skor min paling tinggi (5.07) menunjukkan secara keseluruhan, responden berbangga menjadi graduan APIUM. Sisihan piawai paling tinggi diperolehi oleh item B01 yang menggambarkan responden memberikan penilaian yang pelbagai terhadap kenyataan responden sebagai graduan APIUM sesuai digelar sebagai ustaz/ ustazah. Semua item dalam jadual ini mendapat skor min melebihi 4 yang memberikan kesimpulan bahawa secara keseluruhan, responden bersetuju dengan semua kenyataan yang diberikan (lihat Jadual 8).

4. Persepsi Responden Terhadap Graduan Lain Di APIUM

Jadual 9: Persepsi graduan terhadap graduan lain mengenai latihan industri

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Agak setuju	Setuju	Sangat setuju	Dijawab	Tak dijawab	Min	Sisihan piawai
C22	0 (0.0%)	1 (0.3%)	5 (1.6%)	40 (13.1%)	148 (48.4%)	112 (36.6%)	306	2	5.19	0.746
C23	0 (0.0%)	2 (0.7%)	5 (1.6%)	52 (17.0%)	146 (47.9%)	100 (32.8%)	305	3	5.10	0.784
C24	0 (0.0%)	2 (0.7%)	5 (1.7%)	43 (14.2%)	148 (48.8%)	105 (34.7%)	303	5	5.15	0.770
C26	0 (0.0%)	3 (1.0%)	13 (4.2%)	61 (19.9%)	145 (47.4%)	84 (27.5%)	306	2	4.96	0.856
C27	4 (1.3%)	9 (3.0%)	27 (8.9%)	48 (15.8%)	136 (44.7%)	80 (26.3%)	304	4	4.79	1.101
C28	0 (0.0%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	18 (5.9%)	107 (35.0%)	179 (58.5%)	306	2	5.51	0.654
C22	Pelajar APIUM perlu menjalani latihan industri (praktikum) dalam tempoh pengajian mereka.									
C23	Latihan industri (praktikum) boleh membantu meningkatkan peluang graduan APIUM dalam pasaran kerjaya.									
C24	Latihan industri (praktikum) boleh membantu meningkatkan potensi diri graduan APIUM dalam pasaran kerjaya.									
C26	Latihan industri (praktikum) patut dijadikan mata pelajaran wajib di APIUM.									
C27	Latihan industri (praktikum) patut dijadikan mata pelajaran wajib di sesetengah jabatan/pengkhususan di APIUM.									



C28

Untuk memastikan graduan yang keluar daripada APIUM mendapat tempat di pasaran kerjaya, APIUM perlu mewujudkan hubungan langsung dengan badan/syarikat di luar.

Jadual 9 menunjukkan respon terhadap latihan industri. Skor min paling tinggi didapati oleh item C28 (5.51) yang menunjukkan responden bersetuju APIUM perlu mewujudkan hubungan langsung dengan badan/syarikat di luar bagi memastikan graduan mendapat tempat di pasaran kerjaya. Begitu juga dengan item-item lain yang mendapat skor min 4.7 ke atas yang menunjukkan secara keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. 94.8 % bersetuju latihan industri dijadikan mata pelajaran wajib di APIUM. Oleh sebab itu, APIUM perlu membuat tindakan segera bagi memastikan Latihan Industri dijadikan mata pelajaran wajib di APIUM.

Jadual 10: Persepsi graduan terhadap graduan lain mengenai pengajian di APIUM

C02	3 (1.0%)	10 (3.3%)	62 (20.4%)	91 (29.9%)	123 (40.5%)	15 (4.9%)	304	4	4.20	0.994
C03	5 (1.7%)	21 (6.9%)	95 (31.4%)	97 (32.0%)	77 (25.4%)	8 (2.6%)	303	5	3.81	1.032
C04	7 (2.3%)	32 (10.5%)	132 (43.4%)	90 (29.6%)	38 (12.5%)	5 (1.6%)	304	4	3.44	0.973
C02	Sistem pengajian di APIUM memberikan ilmu pengetahuan yang sempurna kepada para pelajarnya.									
C03	Tempoh pengajian yang dilalui di APIUM mencukupi untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan tentang agama.									
C04	Tempoh pengajian yang dilalui di APIUM mencukupi untuk melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan tentang ilmu-ilmu lain.									

Jadual 10 menunjukkan majoriti responden bersetuju sistem pengajian dan tempoh pengajian di APIUM mencukupi bagi melahirkan graduan berpengetahuan tentang agama tetapi kurang bersetuju tempoh pengajian di APIUM mencukupi melahirkan graduan yang berpengetahuan tentang ilmu-ilmu lain. Dapatkan ini sama dengan dapatan persepsi responden terhadap diri mereka sendiri.

Jadual 11: Persepsi graduan terhadap faktor lain yang mempengaruhi kejayaan graduan lain dalam bidang kerjaya

C16	0 (0.0%)	1 (0.3%)	6 (2.0%)	4 (1.3%)	86 (28.2%)	208 (68.2%)	305	3	5.62	0.649
C17	0 (0.0%)	9 (3.0%)	37 (12.2%)	64 (21.1%)	117 (38.5%)	77 (25.3%)	304	4	4.71	1.066
C18	0 (0.0%)	4 (1.3%)	9 (3.0%)	27 (8.9%)	138 (45.2%)	127 (41.6%)	305	3	5.23	0.831



ISO 9000 From Islamic Perspective

C16	Penguasaan Bahasa Inggeris penting kepada graduan APIUM untuk bersaing dalam pasaran kerjaya.								
C17	Penglibatan graduan APIUM dalam aktiviti ko-kurikulum semasa di kampus memberi kelebihan untuk berjaya dalam kerjaya.								
C18	Penguasaan graduan APIUM terhadap kemahiran sampingan (contohnya: kemahiran ICT, IT, dan penulisan) memberi kelebihan kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang baik.								

Jadual 11 menunjukkan selain daripada kelulusan yang baik, faktor kemahiran dalam Bahasa Inggeris, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta penglibatan dalam ko-kurikulum penting untuk memberi kelebihan kepada responden untuk bersaing dalam pasaran kerjaya. Skor min melebihi 4.7 menunjukkan responden bersetuju kepentingan ketiga-tiga item tersebut.

Jadual 12: Respon responden terhadap faktor-faktor lain (dianalisis secara berasingan)

C01	5 (1.6%)	20 (6.6%)	71 (23.4%)	71 (23.4%)	114 (37.5%)	23 (7.6%)	304	4	4.11	1.146
C05	0 (0.0%)	5 (1.6%)	23 (7.6%)	64 (21.1%)	165 (54.3%)	47 (15.5%)	304	4	4.74	0.867
C06	2 (0.7%)	11 (3.6%)	56 (18.5%)	63 (20.8%)	135 (44.6%)	36 (11.9%)	303	5	4.41	1.072
C07	0 (0.0%)	3 (1.0%)	27 (8.9%)	68 (22.4%)	141 (46.4%)	65 (21.4%)	304	4	4.78	0.915
C08*	3 (1.0%)	10 (3.3%)	40 (13.1%)	64 (21.0%)	104 (34.1%)	84 (27.5%)	308	0	2.31	1.181
C09*	4 (1.3%)	18 (5.9%)	40 (13.2%)	63 (20.8%)	111 (36.6%)	67 (22.1%)	308	0	2.44	1.245
C10	11 (3.6%)	22 (7.2%)	72 (23.6%)	82 (26.9%)	95 (31.1%)	23 (7.5%)	305	3	3.97	1.211
C11	18 (5.9%)	66 (21.7%)	117 (38.5%)	64 (21.1%)	34 (11.2%)	5 (1.6%)	304	4	3.15	1.114
C12*	3 (1.0%)	6 (2.0%)	49 (16.1%)	72 (23.6%)	117 (38.4%)	58 (19.0%)	308	0	2.44	1.112
C13*	2 (0.7%)	18 (5.9%)	88 (28.9%)	81 (26.6%)	89 (29.3%)	26 (8.6%)	308	0	2.93	1.149
C14	7 (2.3%)	34 (11.1%)	102 (33.4%)	79 (25.9%)	69 (22.6%)	14 (4.6%)	305	3	3.69	1.143
C15	6 (2.0%)	52 (17.2%)	147 (48.7%)	59 (19.5%)	34 (11.3%)	4 (1.3%)	302	6	3.25	0.979
C19	3 (1.0%)	13 (4.3%)	52 (17.0%)	95 (31.1%)	104 (34.1%)	38 (12.5%)	305	3	4.30	1.086
C20	26 (8.6%)	67 (22.1%)	102 (33.7%)	60 (19.8%)	42 (13.9%)	6 (2.0%)	303	5	3.14	1.216
C21*	82 (26.9%)	107 (35.1%)	75 (24.6%)	23 (7.5%)	13 (4.3%)	5 (1.6%)	305	3	2.32	1.168
C25*	59 (19.3%)	108 (35.4%)	100 (32.8%)	13 (4.3%)	1 (5.6%)	8 (2.6%)	308	0	4.46	1.249



C29	0 (0.0%)	1 (0.3%)	11 (3.6%)	31 (10.1%)	166 (54.2%)	97 (31.7%)	306	2	5.13	0.759
C30	1 (0.3%)	5 (1.6%)	34 (11.1%)	65 (21.2%)	140 (45.8%)	61 (19.9%)	306	2	4.70	0.985
C01	Pada pandangan tuan/ puan graduan APIUM sesuai untuk digelar sebagai ustaz/ ustazah.									
C05	Masyarakat memberikan tanggapan/ harapan yang tinggi (high-expectation) kepada graduan APIUM dalam bidang agama secara khusus. (sebagai contoh: kebolehan menjadi imam, khatib, naqib usrah, penceramah, tempat rujukan masalah agama dan seumpamanya).									
C06	Graduan APIUM yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana bertujuan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.									
C07	Graduan APIUM yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana bertujuan untuk memperlengkappkan ilmu pengetahuan.									
C08	Tidak banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada graduan APIUM. (contohnya: pegawai tadbir/ pensyarah/ peguam dsb).									
C09	Tidak banyak bidang kerjaya terbuka kepada graduan APIUM. (contohnya: pendidikan/ perniagaan/ pentadbiran dsb).									
C10	Graduan APIUM mampu bersaing di pasaran kerjaya.									
C11	Graduan APIUM bekerja dalam bidang pengkhususan yang diambil di peringkat Ijazah Sarjana Muda APIUM.									
C12	Graduan APIUM sukar mendapatkan tempat di pasaran kerja sektor swasta									
C13	Graduan APIUM sukar mendapatkan tempat di pasaran kerja sektor awam/ kerajaan.									
C14	Adalah lebih mudah bagi graduan APIUM untuk menceburι bidang perniagaan berbanding bidang-bidang kerjaya lain.									
C15	Graduan APIUM mempunyai kelebihan berbanding graduan dari pengajian lain dalam aspek kerjaya di bidang perniagaan.									
C19	Latihan Ilmiah atau kertas projek yang diambil di APIUM membantu graduan meningkatkan potensi diri dalam menceburι alam kerjaya.									
C20	Latihan ilmiah atau kertas projek tidak memberi sumbangan kepada graduan APIUM dalam kerjaya mereka.									
C21	Latihan ilmiah atau kertas projek tidak sepatutnya dijadikan mata pelajaran wajib di APIUM.									
C25	Latihan industri (praktikum) tidak memberi sumbangan kepada graduan APIUM dalam kerjaya mereka.									
C29	APIUM mampu menghasilkan output yang menjadi ilmuwan Islam.									
C30	APIUM mampu menghasilkan output yang menjadi input kepada pasaran kerjaya.									

* Item yang ditransformasikan daripada kenyataan negatif kepada kenyataan positif.

Jadual 12 menunjukkan jadual taburan respon terhadap item-item yang dianalisis secara berasingan. Kesemua item kecuali item C08, C09, C12, C13, C21 dan C25 adalah kenyataan positif. Oleh itu, transformasi skor item-item tersebut telah dilakukan dan ditandakan C08*, C09*, C12*, C13*, C21* dan C25* di dalam Jadual 12. Secara keseluruhan, responden memberikan penilaian yang pelbagai terhadap kenyataan yang diberikan.



Item C29 mendapat skor min yang paling tinggi (5.13) yang menunjukkan bahawa responden secara keseluruhan bersetuju tentang kenyataan “APIUM mampu menghasilkan output yang menjadi ilmuwan Islam”. Ini menunjukkan APIUM telah mencapai salah satu objektif yang digariskan iaitu mengeluarkan siswazah pengajian Islam yang bermutu tinggi dalam bidang-bidang Syariah, Usuluddin, Pendidikan Islam dan Pembangunan Insan.¹⁶ Skor min paling rendah (2.31) dicatat oleh C08 yang menunjukkan responden tidak bersetuju dengan kenyataan “tidak banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada graduan APIUM”. Manakala sisihan piawai paling tinggi (1.249) dicatat oleh item C25. Ini menunjukkan secara keseluruhan, responden memberikan respon yang pelbagai terhadap kenyataan “latihan industri (praktikum) tidak memberi sumbangan kepada graduan APIUM dalam kerjaya mereka”.

Ujian Khi Kuasa Dua

1. *Persepsi terhadap diri sendiri*

Lampiran 1b menunjukkan bahawa nilai Khi Kuasa Dua Pearson 4.754 pada $p= 0.029$ ($p<0.05$) yang bermaksud terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi terhadap kenyataan “ilmu yang pelajari di APIUM yang dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi” di kalangan graduan kedua-dua fakulti. Dapatkan yang sama diperolehi bagi persepsi graduan terhadap kenyataan “pengkhususan yang tuan/ puan ikuti di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi” antara graduan Fakulti Syariah dan Usuludin. Nilai Khi Kuasa Dua Pearson 5.953 pada $P= 0.015$ ($p< 0.05$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi tersebut di kalangan graduan kedua-dua fakulti (lihat Lampiran 2b).

2. *Persepsi terhadap graduan lain*

Nilai ujian Khi Kuasa Dua Pearson 4.805 pada $p= 0.028$ ($p< 0.05$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi graduan terhadap kenyataan “graduan APIUM yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana bertujuan untuk memperlengkapan ilmu pengetahuan” bagi kedua-dua fakulti (lihat Lampiran 3b). Dapatkan yang sama diperolehi oleh kenyataan “pengkhususan yang tuan/ puan ikuti di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi” di mana nilai ujian Khi Kuasa Dua Pearson 5.394 pada $p= 0.020$ ($p< 0.05$). Ini menunjukkan bahawa

¹⁶ Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2005/2006), *Buku Panduan Program Ijazah Tinggi Tahun Akademi 2005/2006*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi tersebut bagi kedua-dua fakulti (lihat Lampiran 4b). Lampiran 5b menunjukkan nilai ujian Khi Kuasa Dua Pearson 4.798 pada $p= 0.028$ ($p < 0.05$) bagi persepsi graduan terhadap kenyataan “graduan APIUM mempunyai kelebihan berbanding graduan dari pengajian lain dalam aspek kerjaya di bidang perniagaan” Ini menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi respon kenyataan tersebut antara graduan kedua-dua Fakulti Syariah dan Usuluddin.

KESIMPULAN

Daripada dapatan yang diperolehi, perbincangan ini boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Persepsi graduan terhadap diri sendiri sebagai graduan APIUM:

- a. Majoriti responden bersetuju dengan kenyataan-kenyataan berkenaan kurikulum APIUM dengan skor min melebihi 4 bagi semua item. Skor min paling tinggi (5.09) diperolehi oleh item B08 menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa ilmu yang mereka pelajari di APIUM dapat diaplikasikan dalam kehidupan mereka.
- b. 71% responden bersetuju kelulusan yang baik penting untuk mendapat pekerjaan yang baik.
- c. Seramai 85.2% graduan bersetuju tempoh pengajian di APIUM mencukupi untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan tentang agama.
- d. Reputasi APIUM agak membantu responden mendapat pekerjaan yang baik tetapi kurang membantu responden mendapatkan pekerjaan dengan mudah dan cepat.
- e. 95% responden berbangga menjadi graduan APIUM.

2. Persepsi graduan terhadap graduan lain di APIUM:

- a. Majoriti responden bersetuju kepentingan latihan industri dalam meningkatkan peluang mereka dalam pasaran kerjaya dan meningkatkan potensi mereka. Oleh sebab itu, mereka bersetuju APIUM perlu mewujudkan hubungan langsung dengan badan di luar bagi memastikan graduan mendapat tempat di pasaran kerjaya. Skor min bagi item ini adalah paling tinggi iaitu 5.51.
- b. Seramai 229 orang responden (75.3%) bersetuju sistem pengajian di APIUM memberikan ilmu yang sempurna kepada para pelajarnya.



ISO 9000 From Islamic Perspective

- c. Selain daripada kelulusan yang baik, penguasaan dalam Bahasa Inggeris, penglibatan dalam ko-kurikulum dan kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi penting untuk memberi kelebihan kepada responden untuk bersaing dalam pasaran kerjaya.
- d. 96% responden bersetuju APIUM mampu menghasilkan output yang menjadi ilmuan Islam.

Lampiran 1a: Jadual silang persepsi terhadap “ilmu yang tuan/puan pelajari di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi” dengan fakulti.

			Fakulti		Total	
			Syariah	Usuluddin		
B06 Ilmu yang tuan/ puan pelajari di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi	Tidak Setuju	Bilangan	33	10	43	
		Bil dijangka	26.6	16.4	43.0	
		Rasidul piawai	1.2	-1.6		
	Setuju	Bilangan	156	107	263	
		Bil dijangka	162.4	100.6	263.0	
		Rasidul piawai	-0.5	0.6		
Total		Bilangan	189	117	306	
		Bil dijangka	189.0	117.0	306.0	

Lampiran 1b: Ujian khi kuasa dua

	Nilai	Darjah kebebasan	Signifikan (2 hujung)
Khi Kuasa Dua Pearson	4.754	1	0.029
Bil. Kes yang sah	306		



Lampiran 2a: Jadual silang respon terhadap kenyataan “pengkhususan yang tuan/ puan ikuti di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi” dengan fakulti

		Fakulti		Total
		Syariah	Usuluddin	
B07 Pengkhususan yang tuan/ puan ikuti di APIUM dapat diaplikasikan di dalam kerjaya yang diceburi	Tidak Setuju	Bilangan	50	17
		Bil dijangka	41.4	25.6
		Rasidul piawai	1.3	-1.7
	Setuju	Bilangan	138	99
		Bil dijangka	146.6	90.4
		Rasidul piawai	-0.7	0.9
Total		Bilangan	188	116
		Bil dijangka	188.0	116.0
				304
				304.0

Lampiran 2b: Ujian khi kuasa dua

	Nilai	Darjah kebebasan	Signifikan (2 hujung)
Khi Kuasa Dua Pearson	5.953	1	0.015
Bil. Kes yang sah	304		

Lampiran 3a: Jadual silang respon terhadap kenyataan “graduan APIUM yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana bertujuan untuk memperlengkapkan ilmu pengetahuan” dengan fakulti

		Fakulti		Total
		Syariah	Usuluddin	
C07 Graduan APIUM yang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana bertujuan untuk memperlengkapkan ilmu pengetahuan	Tidak Setuju	Bilangan	24	6
		Bil dijangka	18.5	11.5
		Rasidul piawai	1.3	-1.6
	Setuju	Bilangan	163	111
		Bil dijangka	168.5	105.5
		Rasidul piawai	-0.4	0.5
Total		Bilangan	187	117
		Bil dijangka	187.0	117.0
				304
				304.0

**Lampiran 3b: Ujian khi kuasa dua**

	Nilai	Darjah kebebasan	Signifikan (2 hujung)
Khi Kuasa Dua Pearson	4.805	1	0.028
Bil. Kes yang sah	304		

Lampiran 4a: Jadual silang respon terhadap kenyataan “tidak banyak bidang kerjaya terbuka kepada graduan APIUM” dengan fakulti

			Fakulti		Total
			Syariah	Usuluddin	
C09 Tidak banyak bidang kerjaya terbuka kepada graduan APIUM	Tidak Setuju	Bilangan	46	16	62
		Bil dijangka	38.1	23.9	62.0
		Rasidul piawai	1.3	-1.6	
	Setuju	Bilangan	140	101	241
		Bil dijangka	147.9	93.1	241.0
		Rasidul piawai	-0.7	0.8	
Total		Bilangan	186	117	303
		Bil dijangka	186.0	117.0	303.0

Lampiran 4b: Ujian khi kuasa dua

	Nilai	Darjah kebebasan	Signifikan (2 hujung)
Khi Kuasa Dua Pearson	5.394	1	.020
Bil. Kes yang sah	303		



Lampiran 5a: Jadual silang respon terhadap kenyataan “graduan APIUM mempunyai kelebihan berbanding graduan dari pengajian lain dalam aspek kerjaya di bidang perniagaan” dengan fakulti

			Fakulti		Total
			Syariah	Usuluddin	
C15 Graduan APIUM mempunyai kelebihan berbanding graduan dari pengajian lain dalam aspek kerjaya di bidang perniagaan	Tidak Setuju	Bilangan	119	86	205
		Bil dijangka	127.6	77.4	205.0
		Rasidul piawai	-0.8	1.0	
	Setuju	Bilangan	69	28	97
		Bil dijangka	60.4	36.6	97.0
		Rasidul piawai	1.1	-1.4	
Total		Bilangan	188	114	302
		Bil dijangka	188.0	114.0	302.0

Lampiran 5b: Ujian khi kuasa dua

	Nilai	Darjah kebebasan	Signifikan (2 hujung)
Khi Kuasa Dua Pearson	4.798	1	.028
Bil. Kes yang sah	302		